

**MINIT MESYUARAT PENGURUS-PENGURUS**  
**PASUKAN KEJOHANAN BALAPAN DAN PADANG**  
**MSSNM KAWASAN JASIN KALI KE-35**  
**BIL 1 TAHUN 2010**

**TARIKH** : 24 FEBRUARI 2010  
**HARI** : RABU  
**MASA** : 2:30 PETANG  
**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT DELIMA SMKSB

**KEHADIRAN:**

**KATEGORI SEKOLAH MENENGAH**

Semua Pengurus Pasukan Hadir

**KATEGORI SEKOLAH RENDAH**

Semua Pengurus Pasukan Hadir Kecuali

1. SK BATANG MELAKA
2. SK BUKIT SENGGGIH
3. SK CHENDERAH
4. SK CHO HONG
5. SK JASIN
6. SK SERI BEMBAN
7. SK TEHEL
8. SK TERENTANG
9. SJKC PAY CHIAO
10. SJKT JASIN LALANG

<b>BIL</b>	<b>PERKARA/AGENDA</b>	<b>TINDAKAN/ MAKLUMAN</b>
<b>1.0</b>	<b>AGENDA 1</b> <b>UCAPAN PENERUSI MAJLIS, ENCIK ROSLAN B. ISMAIL</b>  1.1 En. Roslan memberikan ucapan alu-aluan kepada semua pengurus pasukan sekolah rendah dan sekolah menengah yang sudi menghadiri Mesyuarat Pengurus-pengurus Balapan dan Padang.  1.2 Beliau menyatakan bahawa pengelola Kejujutan Olahraga	         <b>Semua Pengurus Pasukan Sekolah</b>

	<p>MSSM Kawasan Jasin Kali Ke-35 adalah SMK Simpang Bekoh, SK Chabau dan SJKC Simpang Bekoh</p> <p>1.3 Beliau juga menyatakan bahawa setiap sekolah menengah patut menyumbang RM100 dan setiap sekolah rendah patut menyumbang RM50 dan surat mohon sumbangan akan diedarkan ke sekolah masing-masing agar bersama-sama menjayakan kejohanan olahraga ini.</p>	
2.0	<p><b>AGENDA 2</b></p> <p><b>UCAPAN PENERUSI TEKNIK KEJOHANAN OLAHRAGA MSSNM KAWASAN JASIN, EN. SIEW</b></p> <p>2.1 Encik Siew mengucapkan kata-kata aluan kepada semua pengurus pasukan dan wakil sekolah.</p> <p>2.2 Menurut beliau, pihak pengelola menghadapi keadaan kesempitan dari kewangan dan pada mesyuarat bersama Pengarah JPN yang bertarikh 18hb Januari 2010, Pengarah JPN berpesan agar memberi tumpuan kepada beberapa acara yang penting sahaja, meningkatkan pencapaian dan jangan sesekali mengkaitkan sukan sekolah dengan MSSM.</p> <p>2.3 Menurut beliau, tuntutan perjalanan bagi kejohanan ini sudah dibatalkan. Maka, semua pengurus pasukan perlu berkorban bagi anak-anak kesayangan murid masing-masing supaya bakat dan potensi mereka boleh diperkembangkan dengan sepenuhnya.</p> <p>2.4 Beliau juga berharap setiap sekolah boleh menghantar borang pencalonan pegawai untuk tugas iaitu setiap sekolah menengah perlu menghantar 10 orang hakim dan sekolah rendah perlu menghantar 5 orang hakim dan tarikh akhir bagi penghantaran boring ini adalah 4hb Mac 2010.</p>	<p><b>Semua Pengurus Pasukan Sekolah</b></p>
3.0	<p><b>AGENDA 3</b></p> <p><b>UCAPAN KETUA JURU TEKNIKAL, ENCIK ALEXMAN BIN MOHD KABIL</b></p>	

<p>3.1 Beliau mengucapkan kata-kata aluan terhadap semua pengurus dan wakil-wakil sekolah.</p> <p>3.2 Menurut beliau, tarikh Kejohanan Olahraga MSSNM Kawasan jasin Kali Ke-35 jatuh kepada 23 Mac hingga 25 Mac.</p> <p>3.3 Beliau juga menyatakan bahawa Kategori Bawah 10 tahun telah dibatalkan dan hanya Kategori Bawah 12, 15 dan 18 sahaja yang dipertandingkan.</p> <p>3.4 Terdapat 44 acara yang dipertandingkan sempena kejohanan ini, tetapi bagi acara Larian Berpagar, pihak sekolah boleh menghantar peserta untuk mewakili Kawasan Jasin melalui pihak pengelola.</p> <p>3.5 Selain itu, trek yang digunakan adalah 300m. Beliau juga memohon pihak pengelola agar menghantar trek yang sempurna kepada setiap sekolah secepat yang mungkin.</p> <p>3.6 Pihak pengelola juga akan menyediakan 5 hadiah bagi acara yang lebih daripada 1500m.</p> <p>3.7 Setiap individu boleh mengambil 3 acara individu termasuk acara terbuka dan 2 acara berpasukan.</p> <p>3.8 Pada tahun ini, pelajar-pelajar tingkatan 6 tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini.</p> <p>3.9 Pihak pengelola tidak akan menyediakan “starting block”, tetapi peserta atau pihak sekolah boleh membawa untuk kegunaan sendiri.</p> <p>3.10 Beliau juga berharap setiap sekolah boleh mengikut ukuran kain, ukuran huruf nombor dan warna yang telah ditetapkan.</p> <p>3.11 Pemilihan peserta terbaik sila merujuk peraturan kejohanan olahraga.</p> <p>3.12 Beliau menegaskan sekiranya “fault start” berlaku, pelajar tersebut akan dijemput keluar dari acara tersebut. Oleh itu, beliau berharap semua pengurus pasukan boleh akur terhadap</p>	<p><b>Semua Pengurus Pasukan Sekolah</b></p>
---	--

	<p>peraturan ini.</p> <p>3.13 Di samping itu, murid sekolah sukan tidak digalakkan wakil sekolah kerana kos sekolah ditanggung sendiri.</p> <p>3.14 Pengurus –pengurus Sekolah Rendah sila memastikan peserta yang memenuhi syarat kelayakan sahaja dibawa bertanding.</p> <p>3.15 Penentu Pemenang Kedudukan rujuk bilangan pungen pingat Emas, Perak dan Gangsa.</p> <p>3.16 Peserta Terbaik dikira mengikut rekod tertinggi( Rujuk Peraturan) dan kiraan pungen Emas Rekod acara padang sahaja dikira.</p>	
<p><b>4.0</b></p>	<p><b>HAL-HAL LAIN</b></p> <p>4.1 Encik Roslan menyatakan bahawa pihak pengelola tidak akan mengadakan Majlis Perasmian tetapi kita masih mempunyai Perbarisan Pelajar dan Pembacaan Ikrar oleh pelajar.</p> <p>4.2 Menurut Encik Roslan B. Ismail, tarikh akhir serah Borang Daftar Peserta adalah 9hb Mac 2010, tarikh akhir bagi pertukaran peserta adalah 12hb Mac 2010 dan Mesyuarat Pengurus Balapan Dan Padang Kali Ke-2 tidak perlu dijalankan selepas undian dibuat.</p> <p>4.3 Encik Roslan juga menyatakan bahawa zon memandakan badan adalah gelanggang sepak takraw SMK Simpang Bekoh</p> <p>4.4 Menurut Encik Roslan, semua peserta boleh menggunakan tandas di Blok B, SMK Simpang Bekoh</p> <p>4.5 Encik Roslan juga menegaskan bahawa SMK Simpang Bekoh tidak mempunyai Bilik Persalinan Pelajar bagi bagi pelajar beragama Islam yang hendak menunaikan Solat.</p> <p>4.6 Encik Roslan juga mengingatkan tugas-tugas pengurus pasukan adalah menjaga keselamatan dan sahsiah pelajar, menyediakan kain dan nombor peserta yang lengkap, menyediakan pelajar untuk melaporkan diri sekurang-kurangnya 30 minit bagi acara-acara balapann dan 45 minit</p>	<p><b>Semua Pengurus Pasukan dan Sekolah</b></p>

bagi acara-acara padang, akur kepada perkara ke-9 iaitu peraturan masuk dan keluar padang, menyediakan wakil untuk penerimaan pingat dan melarang pelajar memakai selipar semasa penerimaan pingat serta menyediakan pelajar bagi Majlis Perasmian Penutup pada 25 Mac 2010.

- 4.7 Encik Roslan juga mengingatkan bahawa setiap murid-murid perlu membawa salinan surat beranak yang disahkan oleh Guru Besar masing-masing. Manakala bagi peserta yang terdiri daripada Kategori Bawah 15 dan 18, mereka perlu membawa salinan Kad Pengenalan yang disahkan oleh Pengetua Sekolah masing-masing.
- 4.8 Encik Alexman B. Mohd Kabil menyatakan bahawa segala bantahan bersertakan RM200.00 dan surat bertulis.
- 4.9 Pengurus pasukan sekolah yang ingin menempah makanan boleh menghubungi Encik Amri, Pengurus Kantin SMK Simpang Bekoh pada talian 019-2230343, atau Encik Zul pada talian 012-6922927.
- 4.10 Akhir sekali, Encik Roslan meminta pengurus pasukan menghubungi pihak pengelola dengan talian 06-5236043 atau faks 06-5235893 bagi sebarang pertanyaan atau kemusykilan.
- 4.11 Sebelum mengakhiri mesyuarat ini, Encik Roslan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran semua pengurus pasukan sekolah dan menjemput mereka menjamu makanan dan minuman di kantin SMK Simpang Bekoh.


**Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4:20 petang.**

**Disediakan oleh,**



.....  
**(EN. ZAINUL ABIDIN B. ABDUL JALIL)**

**Disahkan oleh,**



.....  
**(EN ROSLAN B. ISMAIL)**

**GPK Kokurikulum SMKSB**